

# RASIONAL KAJIAN, SKOP KAJIAN & DEFINISI ISTILAH



# RASIONAL KAJIAN

- Perlu dinyatakan:
  1. Kepentingan memilih tajuk untuk dikaji
  2. Kepentingan kepada pengkaji dan kerjaya
  3. Kepentingan kepada institusi, masyarakat dan negara.
  4. Kepentingan kepada sistem politik, sosial, budaya, ekonomi dan pendidikan.
  5. Apa kesan jika tidak dikaji?

# SKOP KAJIAN

- Perlu dinyatakan batasan, kekangan atau had sesuatu kajian yang akan dilaksanakan.
- Nyatakan kekangan dari segi:
  1. pembolehubah
  2. sampel dan populasi
  3. instrumentasi
  4. generalisasi, dll.

## SKOP KAJIAN (samb.)

- Contoh:

Kajian ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru dan dengan itu keputusan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar kawasan lain.

## DEFINISI ISTILAH

- Istilah penting yang terlibat dalam kajian terutama kkonsep dan pembolehubah perlu dinyatakan dengan jelas.
- Ini disebabkan pembaca mungkin mempunyai takrifan yang berbeza dengan pengkaji.

## DEFINISI ISTILAH (samb.)

- Dengan itu takrifan istilah hanya merujuk kepada konteks kajian sahaja dan ia perlu dinyatakan dengan jelas untuk kefahaman pembaca.
- Definisi istilah boleh dinyatakan menggunakan kaedah analisis konsep.

# DEFINISI ISTILAH (samb.)

- Kaedah analisis konsep:
  - Semua konsep perlu disenaraikan terlebih dahulu.
  - Setiap konsep perlu dianalisis dengan memecahkan kepada tiga bahagian:
    1. konsep
    2. konstruk
    3. takrif operasi

# DEFINISI ISTILAH (samb.)

- Konsep:
  - Adalah istilah merangkumi satu ide
  - Contoh: Stail kepimpinan
- Konstruk
  - Senarai ciri mengenai konsep yang menyeluruh.
  - Contoh: Stail kepimpinan boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu direktif, konsultatif, partisipatif dan delegatif.

# DEFINISI ISTILAH (samb.)

- Takrif operasi:
  - Kenyataan bagaimana setiap konstruk dilaksanakan secara eksplisit (dioperasikan) dan dengan itu boleh diperhati atau diukur.
  - Setiap konstruk boleh dioperasikan melalui berbagai cara dan dengan itu bukan dengan satu item sahaja.

# DEFINISI ISTILAH (samb.)

- Senarai takrif operasi ini akan digunakan dalam membina item instrumen nanti.
- Pernyataan konsep, konstruk dan takrif operasi hendaklah dengan disertakan dengan bukti empirikal iaitu dengan menyertakan sumber rujukan akademik, pandangan pakar dan bukan hanya kamus dan ensiklopedia.

# DEFINISI ISTILAH (samb.)

- Contoh:
  - Konsep stail kepimpinan adalah kaedah seseorang pemimpin memotivasi kan orang bawahan melaksanakan tugas dan boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu direktif, konsultatif, partisipatif dan delegatif (Slavin, 2003). Ciri-ciri direktif adalah pemimpin yang memberitahu pegawai bawahan apa yang perlu dilaksanakan dan bagaimana melaksanakannya. Ciri konsultatif pula ialah.....

# DEFINISI ISTILAH (samb.)

KONSEP	KONSTRUK	ITEM SOAL SELIDIK
Stail kepimpinan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Direktif</li><li>2. Konsultatif</li><li>3. Partisipatif</li><li>4. Delegatif</li></ol>	 ?  ?  ?  ?



# Rujukan

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999).  
*Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.